

TARIKH	29 / 3 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	07	RUANGAN	NASIONAL

Ahli kelab TaHa hampir pecah sejuta

AYER KEROH: Kelab Tabung Haji (TaHa) sehingga kini berjaya menarik penyertaan hampir sejuta ahli di seluruh negara sejak dilancarkan lima tahun lalu, kata Pengerusi Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor.

Beliau berkata, 975,000 murid dan pelajar sudah menganggotai kelab itu dan jumlah terbabit amat menggalakkan dan dijangka mencecah lebih sejuta orang hingga akhir tahun ini.

"Ini membuktikan penerimaan positif golongan berkenaan dalam merancang kewangan untuk pelaburan masa depan.

"Selain itu, ia juga sebagai perediaan awal ahli menunaikan far-

du haji ke Makkah pada masa depan," katanya selepas Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Sektor Korporat 2011 di Pejabat Yang Dipertua Negeri dekat sini, semalam.

Abi Musa mewakili Tabung Haji membayar zakat perniagaan berjumlah RM1,194,174.71 kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd Khalil Yaakub yang mewakili Pusat Zakat Melaka (PZM).

Selain itu, tujuh syarikat korporat lain turut membayar zakat perniagaan masing-masing membabitkan jumlah keseluruhan RM2,324,625.45.

Hadir sama, Ketua Menteri merangkap Pengerusi PZM, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Timbalan Pengerusi PZM, Datuk Nawi Ahmad.

Mengulas lanjut, Abi Musa berkata, pihaknya akan meneruskan pelbagai aktiviti menarik untuk semua ahli kelab TaHa, terutama untuk menyambut musim cuti persekolahan Jun ini.

"Antara aktiviti dirancang adalah 'summer camp' bertujuan mengumpulkan ahli kelab dari seluruh negara, selain aktiviti sukan.

"Selain memenuhi cuti sekolah dengan aktiviti berfaedah, ia juga bagi memberi ruang kepada ahli kelab berkenalan antara satu sama lain," katanya.

Program Kelab TaHa dengan kerjasama Unit Pendidikan Berita Harian bertujuan menggalakkan golongan muda menabung dalam Tabung Haji.